

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATUK HAJI HASANUDDIN BIN MOHD
YUNUS [HULU LANGAT]**

TARIKH : 10 DISEMBER 2020 (KHAMIS)

SOALAN

minta **MENTERI TENAGA DAN SUMBER ASLI** menyatakan apakah Kementerian akan menyediakan insentif kewangan selain latihan kepada Malim Gunung Perhutanan, khasnya untuk belia-belia tempatan bagi merancakkan lagi "*adventure tourism*" serta menambahbaik Akta Perhutanan Negara 1984.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Tenaga dan Sumber Asli melalui Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia (JPMS) telah memperkenalkan Kursus Malim Gunung Perhutanan (MGP) dengan kerjasama Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM). Perkhidmatan Malim Gunung Perhutanan diperkenalkan bagi mengatasi insiden kemalangan yang dilaporkan di Taman Eko Rimba dan Hutan Taman Negeri seperti kecederaan semasa menjalankan aktiviti pendakian, laporan orang hilang, sesat atau tersasar daripada laluan denai pendakian. Kursus Malim Gunung Perhutanan di negeri-negeri Semenanjung Malaysia juga merupakan usaha Kementerian bagi

merencanakan lagi aktiviti pelancongan kembaraan (*adventure tourism*) di dalam Hutan Simpanan Kekal (HSK).

2. KeTSA melalui JPSM juga telah memohon peruntukan sebanyak RM9 juta bagi Program Pemerksaan Ekopelancongan Sumber Asli di bawah Rancangan Malaysia Ke-12 (RMKe-12) termasuk pelaksanaan Kursus Malim Gunung Perhutanan. Kursus ini akan bermula pada tahun 2021 dan keutamaan akan diberikan kepada penduduk tempatan terutamanya golongan belia yang menjadikan Malim Gunung Perhutanan sebagai kerjaya. Hanya Malim Gunung Perhutanan yang hadir latihan dan didaftarkan dengan JPSM sahaja dibenarkan untuk mengendalikan pelawat bagi aktiviti pendakian mulai 2021. Pada masa ini, Kerajaan tidak menyediakan insentif kewangan kepada Malim Gunung Perhutanan, namun demikian mana-mana pihak yang berminat mengikuti kursus Malim Gunung Perhutanan yang dianjurkan oleh JPSM tidak dikenakan sebarang bayaran.

3. Adalah diharapkan dengan adanya latihan yang diberikan kepada penduduk tempatan terutamanya belia, kerjaya Malim Gunung Perhutanan akan membantu meningkatkan taraf sosioekonomi selain merencanakan dan menambah baik kualiti perkhidmatan ekopelancongan berasaskan kekayaan semulajadi.

4. Selain itu, Kementerian juga dalam proses menambah baik Akta Perhutanan Negara 1984 [*Akta 313*] dengan memasukkan Hutan Taman Negeri sebagai pengelasan baharu HSK. Ini membolehkan Pihak Berkuasa Negeri mempelbagaikan fungsi hutan sebagai destinasi ekopelancongan domestik selain menjana sumber ekonomi baharu kepada Kerajaan Negeri.

Sekian, terima kasih.